

Di Hujung Jari Anda

Mula Di sini

Selamat Datang ke iPhone. Panduan Permulaan Ringkas ini memberitahu anda cara menyediakan iPhone anda dan menggunakan ciri-ciri utamanya. Selepas penyediaan dan anda mula membuat panggilan, anda akan dapat mempelajari lebih lanjut mengenai iPhone di www.apple.com/my/iphone.

Siap sedia, setkan, mula.

1. Muat turun iTunes.

Pergi ke www.apple.com/asia/itunes/download dan muat turun versi terkini iTunes untuk dipasang pada Mac atau PC anda.

2. Sambungkan ke komputer anda.

Sambungkan iPhone anda ke port USB pada komputer anda.

3. Selaraskan.

Apabila iPhone telah bersambung, iTunes terbuka dan membimbing anda menerusi persediaan. Pilih kenalan, kalendar, muzik, video, dan foto yang ingin anda selaraskan, kemudian klik Guna pada penjuru kanan bawah. Jika anda baru kepada iTunes atau penyalarsan, anda boleh menonton tutorial ringkas di www.apple.com/itunes/tutorials.

Asas-asas Butang.

Untuk menghidupkan iPhone, tekan butang Hidup/Mati dengan kuat. Untuk mematikan atau memulakan semula iPhone, tekan dan tahan butang Hidup/Mati untuk beberapa saat, kemudian luncurkan gelangsar untuk mengesahkan. Untuk menukar iPhone ke dalam mod tidur, tekan butang Hidup/Mati sekali. Ini mematikan skrin tetapi masih membenarkan iPhone menerima panggilan. Untuk menyenyapkan panggilan masuk, tekan sekali. Untuk menghantar panggilan terus ke mel suara, tekan dua kali.



Ke Laman Utama.

Semasa menggunakan aplikasi, tekan butang Utama untuk menutupnya dan kembali ke skrin Utama. Untuk pergi ke skrin Laman Utama dengan cepat, tekan butang Utama dari sebarang skrin lain. Daripada skrin Kunci, dwiklik butang Utama untuk memaparkan kawalan iPod.



Buat folder. Susun aplikasi.

Sentuh dan tahan sebarang ikon sehingga ia mula bergoyang. Kemudian seret satu ikon ke atas ikon yang lain untuk membuat folder. Folder dinamakan mengikut kategori secara automatik, atau anda boleh menamakannya semula. Anda boleh memperibadikan skrin Utama anda dengan menyeret ikon dan folder ke kedudukan berbeza dan skrin berbeza. Tekan butang Utama apabila selesai.



Lakukan Berbilang tugas.

Semasa dalam panggilan, anda boleh mengakses e-mel anda, kalendar, atau aplikasi lain, malahan melayari web apabila anda bersambung melalui Wi-Fi atau 3G. Untuk bertukar antara aplikasi dengan cepat, dwiklik butang Utama untuk mendedahkan aplikasi yang baru digunakan. Tatal ke kanan untuk melihat lebih banyak aplikasi, kemudian sentuh satu untuk membukanya. Tatal ke penghujung sebelah kiri untuk mengakses kawalan iPod atau kunci orientasi paparan.



Carian.

Untuk mencari dalam iPhone anda atau di web, pergi ke skrin Laman Utama dan tekan butang Utama atau luncurkan skrin dari kiri ke kanan. Taipkan apa yang anda ingin cari-nama, aplikasi, lagu, artis, filem, atau sebarang kata kunci. iPhone menunjukkan cadangan sambil anda menaip untuk menjadikannya carian lebih laju lagi. Untuk mencari di dalam aplikasi seperti Mel, Kenalan, Mesej, atau iPod, sentuh bar status.



Buat panggilan.

Sentuh nombor telefon dalam Kenalan, Kesukaan, e-mel, mesej teks, atau di mana-mana sahaja dalam iPhone untuk membuat panggilan. Atau sentuh butang Pad kekunci untuk mendail secara manual. Untuk menjawab panggilan semasa menggunakan headset iPhone, tekan butang tengah sekali. Tekannya sekali lagi untuk menamatkan panggilan anda. Untuk melaraskan kelantangan, tekan butang "+" dan "-" yang terletak di atas dan di bawah mikrofon.



Kawalan Suara.

Gunakan Kawalan Suara untuk membuat panggilan bebas tangan atau memainkan muzik. Untuk mengaktifkan Kawalan Suara, tahan ke bawah butang Utama atau butang tengah pada headset iPhone sehingga skrin Kawalan Suara muncul. Selepas bunyi nada, sebutkan arahan seperti "Call Elliot" atau "dial 555-1212." Anda juga boleh meminta iPhone untuk memainkan album tertentu, artis, atau senarai main atau untuk "play more songs like this." Malahan, anda juga boleh bertanya iPhone "what's playing?" atau, contohnya, menyebut "play songs by the Rolling Stones."



FaceTime.

Semasa anda dalam panggilan suara, sentuh butang FaceTime untuk memulakan panggilan video. Atau sentuh butang FaceTime dalam Kenalan. Semasa panggilan video, anda boleh bertukar ke kamera belakang untuk berkongsi persekitaran anda. Akses e-mel anda, web, atau aplikasi lain dengan menekan butang Utama.



Memerlukan peranti yang didayakan FaceTime dan sambungan Wi-Fi untuk pemanggil dan juga penerima. Tidak tersedia di semua kawasan.

Foto.

Muat foto kegemaran anda ke iPhone daripada komputer anda menggunakan iTunes atau gunakan kamera terbina dalam untuk menangkap gambar. Sentuh Foto untuk melihat gambar anda. Kuis ke kanan atau kiri untuk bergerak di antara imej. Dwisentuh atau cuit untuk zum. Sentuh sekali untuk memaparkan kawalan atas skrin. Sentuh butang Tindakan untuk menghantar foto dalam MMS atau e-mel. Anda juga boleh menggunakan foto sebagai hias latar, memperuntukannya kepada kenalan, atau mencetaknya secara wayarles menggunakan pencetak yang berkeupayaan AirPrint.




Video HD.

Untuk merakam video HD, sentuh Kamera, kemudian setkan suis Kamera/Video ke video. Sentuh butang Rakam untuk mula merakam. Sentuhnya sekali lagi untuk menghentikan rakaman. "Sentuh untuk fokus" membolehkan anda mengawal fokus dan pendedahan dengan menyentuh seseorang atau apa-apa sahaja di atas skrin. Anda juga boleh merakam dalam landskap atau potret. Anda juga boleh menghidupkan lampu kamera semasa merakam dalam keadaan cahaya malap.



Kawalan video dan lagu.


Sentuh skrin untuk memaparkan kawalan pada skrin. Sentuh sekali lagi untuk menyembunyikannya. Menyentuh dua kali video akan mengubah antara skrin lebar dan skrin penuh. Semasa mendengar muzik, pusing iPhone untuk menyelak menerusi seni album anda dalam Cover Flow. Sentuh sebarang album untuk melihat senarai treknya, kemudian sentuh sebarang trek untuk memainkannya. Sentuh di luar senarai trek untuk menyelak kembali ke kerja seni album. Semasa mendengar muzik dengan headset iPhone, tekan butang tengah sekali untuk menjeda atau memainkan, dan tekan dua kali dengan cepat untuk melangkau ke lagu seterusnya. Sentuh butang AirPlay untuk menstrim muzik atau video anda ke Apple TV.*



*Memerlukan Apple TV generasi kedua.

Papan kekunci pintar.

iPhone membetulkan dan mencadangkan perkataan secara automatik semasa anda menaip. Jadi jika anda menaip huruf yang salah, teruskan menaip. Untuk menerima cadangan perkataan, sentuh bar ruang. Sentuh "x" untuk menolak perkataan yang dicadangkan dan bantu iPhone mempelajari perkataan yang anda taip. Papan kekunci memasukkan koma atas secara automatik ke dalam singkatan perkataan. Untuk bertukar ke papan kekunci nombor dan simbol, sentuh kekunci ".?123".



Potong, salin, dan tampal.

Sentuh perkataan yang anda mahu edit, atau sentuh dan tahan untuk memaparkan kanta pembesar, kemudian luruskan jari anda bagi mengerakkan titik pemasukan. Anda boleh memilih perkataan dengan dwisentuh padanya, dan memilih lebih banyak atau kurang teks dengan menyeret titik sambar. Kemudian sentuh untuk potong, salin atau tampal. Untuk menyalin teks dari halaman web, e-mel, atau mesej teks, sentuh dan tahan untuk memilih teks berkenaan. Untuk membatalkan edit, gancang iPhone, kemudian sentuh butang Batal.



Lihat web dengan lebih dekat.

Dalam Safari, dwisentuh sebarang elemen pada halaman web-gambar atau teks-untuk zum masuk. Dwisentuh sekali lagi untuk zum keluar. Sentuh butang Berbilang halaman untuk menyelak antara berbilang halaman web atau membuka yang baru. Pusing iPhone untuk melihat web dalam skrin lebar.



Google, logo Google, dan Google Maps adalah tanda dagangan Google Inc. © 2010. Hak cipta terpelihara.

Cari lokasi. Cari di persekitaran.

Untuk melihat kedudukan anda pada peta, sentuh butang Lokasi. Titik biru akan muncul pada kedudukan semasa anda. Untuk melihat pada arah yang mana anda sedang menghala, sentuh butang Lokasi sekali lagi untuk mengaktifkan paparan kompas. Cari tempat di sekeliling anda dengan menaip perkataan seperti "Starbucks" atau "piza" dalam medan carian. Dwisentuh untuk zum masuk. Sentuh sekali dengan dua jari untuk zum keluar. Anda juga boleh mendapatkan arah atau sentuh butang Page Curl untuk paparan peta tambahan.




App Store tersedia di negara-negara terpilih.

App Store.

Sentuh ikon App Store untuk melayari secara wayarles beratus ribu aplikasi dalam kategori seperti permainan, perniagaan, perjalanan, rangkaian sosial, dan banyak lagi. Layari mengikut Featured, Category, atau Top 25 atau cari mengikut nama. Untuk membeli dan memuat turun aplikasi terus ke iPhone anda, sentuh Buy Now. Banyak aplikasi adalah percuma.

iTunes Store.

Anda boleh mengakses iTunes Store secara wayarles dengan menyentuh ikon iTunes. Cari dalam kedai untuk muzik, filem, rancangan TV, video muzik, dan banyak lagi. Semak imbas, beli, dan muat turun daripada kedai terus ke iPhone anda. Sentuh sebarang item untuk mendengar atau menonton pratonton.



iTunes Store tersedia di negara-negara terpilih.

Ketahui lebih lanjut.

Anda boleh mempelajari lebih lanjut mengenai ciri-ciri iPhone di www.apple.com/my/iphone.

Untuk melihat Panduan Pengguna iPhone pada iPhone anda, muat turunnya daripada iBookstore atau pergi ke help.apple.com/iphone atau penanda buku Safari. Untuk versi Panduan Pengguna iPhone yang boleh dimuat turun dan Panduan Maklumat Produk Penting, lawati support.apple.com/ms_MY/manuals/iphone.

Dapatkan sokongan.

Hubungi pembekal perkhidmatan wayarles anda untuk mendapatkan sokongan teknikal mengenai perkhidmatan yang berkaitan dengan rangkaian, termasuk Mel Suara Visual dan pengebilan.* Lawati www.apple.com/my/support/iphone untuk sokongan teknikal bagi iPhone dan iTunes.

*Mel Suara Visual dan MMS mungkin tidak tersedia di semua kawasan. Sila hubungi pembekal perkhidmatan wayarles anda untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Sesetengah ciri dan perkhidmatan tidak tersedia di semua kawasan.

© 2010 Apple Inc. Hak cipta terpelihara. Apple, AirPlay, Apple TV, Cover Flow, FaceTime, iPhone, iPod, iTunes, Mac, dan Safari adalah tanda dagangan Apple Inc., yang didaftarkan di A.S. dan negara-negara lain. AirPrint adalah tanda dagangan Apple Inc. iTunes Store adalah tanda perkhidmatan Apple Inc., yang didaftarkan di A.S. dan negara-negara lain. App Store dan iBookstore adalah tanda perkhidmatan Apple Inc. Produk dan nama syarikat lain yang dinyatakan di dalam panduan ini mungkin merupakan tanda dagangan syarikat masing-masing. Designed by Apple in California. Printed in China. MY034-5753-A